

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TAN SRI NOH BIN OMAR
[TANJONG KARANG]
TARIKH : 05 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 20

Y.B. TAN SRI NOH BIN OMAR [TANJONG KARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah projek yang telah dianugerahkan secara rundingan terus dan tender terpilih bermula Mei 2018 hingga September 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, proses pengurusan perolehan Kerajaan adalah dilaksanakan berteraskan kepada lima prinsip utama iaitu, pertama; akauntabiliti awam, kedua; diuruskan secara telus, ketiga; memberi nilai faedah yang terbaik, keempat; mewujudkan saingan terbuka dan terakhir; mestilah adil dan saksama. Tatacara perolehan yang digunapakai oleh Kerajaan adalah berdasarkan amalan terbaik perolehan awam di peringkat antarabangsa yang mana semua proses perolehan perlu dilaksanakan secara terbuka.

Peraturan perolehan yang berkuat kuasa menetapkan mana-mana perolehan Kerajaan yang nilainya melebihi RM500,000 perlu dilaksanakan secara tender terbuka. Peraturan ini diperkemaskan lagi melalui surat arahan oleh Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 yang memansuhkan kaedah perolehan secara tender terhad (tender terpilih) dan digantikan dengan kaedah tender terbuka pra-kelayakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, sepertimana amalan di peringkat antarabangsa dan demi kepentingan nasional, kaedah perolehan secara rundingan terus akan hanya dipertimbangkan bagi perolehan yang melibatkan lima (5) kriteria khusus dan bukannya dibenarkan secara am seperti berikut:

1. perolehan bekalan/ perkhidmatan melibatkan keperluan mendesak yang mana jika perolehan tersebut tidak dilaksanakan dengan segera, ia boleh memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan serta kepentingan Negara;
2. keperluan penyeragaman bagi memastikan kesesuaian penggunaan (*compatibility*) antara barangan sedia ada dengan barangan baru yang akan diperolehi;
3. satu punca bekalan/ perkhidmatan iaitu pengeluaran produk atau penyediaan perkhidmatan hanya boleh dibekalkan daripada satu sumber sahaja;

NO SOALAN : 20

4. keselamatan/ strategik yang melibatkan perolehan item atau perkhidmatan demi keselamatan atau kepentingan strategik negara; atau
5. kontrak dengan syarikat pembuat (*manufacturer*) Bumiputera yang memenuhi semua syarat kelayakan.

Semua permohonan perolehan secara rundingan terus perlu dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan kepada Kementerian Kewangan.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kewangan demi meningkatkan ketelusan dalam proses perolehan adalah seperti berikut:

1. Semua keputusan perolehan termasuk secara rundingan terus yang dilaksanakan oleh Kementerian/ Agensi telah dipaparkan di portal MyProcurement kecuali perolehan-perolehan yang melibatkan kepentingan strategik dan keselamatan negara;
2. Memperkenalkan dasar yang komprehensif mengenai pendedahan konflik kepentingan semasa proses perolehan melalui Pekeliling Perbendaharaan mengenai *Integrity Pact*; dan
3. Meningkatkan penggunaan mandatori sistem perolehan berasaskan teknologi atau sistem ePerolehan untuk mengurangkan intervensi manusia dalam proses perolehan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Kerajaan masih mengekalkan Dasar Keutamaan kepada Syarikat Bumiputera sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Keutamaan ini diberikan kepada syarikat Bumiputera, pembuat/pengilang Bumiputera, pengimport Bumiputera dan kontraktor Bumiputera, antaranya seperti Agensi Kerajaan hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada nilai kerja tahunan dan pemberian keutamaan harga (*margin of preference*) antara 2.5% hingga 10% bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan secara tender terbuka.